

Istiadat Pemasyhuran Canselor Dan Majlis Konvokesyen Komemoratif KUKUM



Tarikh 17 Julai 2004 telah menjadi detik penting bagi KUKUM di mana pada tarikh tersebut telah diadakan Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif KUKUM. Istiadat ini diadakan bagi memasyhurkan Canselor KUKUM yang pertama iaitu DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis. Perlantikan baginda sebagai Canselor telah diperkenan oleh SPB Yang di-Pertuan Agong berkuatkuasa mulai 1 September 2003 hingga 12 Disember 2006.

Majlis gilang gemilang yang penuh istiadat itu berlangsung di Dewan Warisan, Kangar dan turut dihadiri oleh DYT M Raja Puan Muda Perlis, Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Keutamaan Negeri Perlis, Naib Canselor dan Rektor Universiti-universiti di Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti, Ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan dan seluruh warga KUKUM.

Majlis dimulakan dengan upacara penyerahan cokmar yang merupakan lambang kuasa Universiti oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Dr. Hj. Shafie Mohd. Salleh kepada Rektor KUKUM, Lt. Kol Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin. Y.B. Menteri Pengajian Tinggi seterusnya mengumumkan pengisytiharan pemasyhuran Canselor KUKUM yang pertama.

Dalam titah ucapan Baginda, Tuanku Syed Faizuddin menyatakan perlantikan baginda merupakan satu penghormatan dan amanah yang besar terutama dalam membawa nama

Universiti yang baru bertapak hampir tiga tahun ini ke peringkat lebih tinggi. Justeru, baginda mengharapkan sokongan padu dan kerjasama erat dari semua ahli Lembaga Pengarah Universiti, pihak pengurusan serta setiap warga KUKUM untuk memaju dan memperkukuhkan kedudukan KUKUM di persada negara dan dunia.

Selain Istiadat Pemasyhuran Canselor, majlis penganugerahan ijazah kehormat turut diadakan. Bagi penganugerahan yang pertama kali diadakan, Y.A.B. Dato' Seri Shahidan b. Kassim telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan atas jasa bakti beliau dalam bidang pendidikan terutama dalam membantu kewujudan KUKUM sehingga dapat bertapak pada kedudukan sekarang.

Sebagai meraikan pemasyhuran tersebut juga, pada malam 16 Julai 2004 telah diadakan Majlis Santapan Malam Sempena Istiadat Pemasyhuran Canselor bertempat di Hotel Putra Palace. DYMM Tuanku Canselor dan DYT M Raja Puan Muda Perlis telah berkenan berangkat ke Majlis tersebut. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YAB Menteri Besar Perlis dan Isteri, YB Menteri Pengajian Tinggi dan isteri, para pembesar negeri, wakil-wakil IPTA, Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Universiti dan warga KUKUM.

Disediakan oleh :
Norsyahiza Hamzah

